



**GIMIK PERASMIAN ...** Dr. Sitti Raehanah (dua kiri) cuba memberikan makanan lobak kepada dua ekor arnab sebagai tanda perasmian.



**PENAJA ...** Pengurus Harbour Mall Sandakan menerima sijil penghargaan disampaikan Dr. Sitti Raehanah (tengah) sambil disaksikan warga SPL dan jawatankuasa.



**KAYUHAN ...** Dr. Vincent (dua kiri) dan Dr. Bonaventure menunjukkan kayuhan basikal sambil diberikan kata-kata semangat oleh Dr. Sitti Raehanah semasa melawat gerai ILP Sandakan yang pada ketika itu sedang menjalankan kempen memecah rekod berkayu tanpa henti.

# Sekolah Pertanian Lestari UMS anjur program Keusahawanan Tani

NST 11-11-2012 11

**SANDAKAN:** Sekolah Pertanian Lestari (SPL) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan, telah menganjurkan Program Keusahawanan Tani 2 (PKT 2) 2012 di perkarangan pasaraya Giant Hypermall, Batu 6, Jalan Utara, di sini, kelmarin.

Dirasmikan oleh Dekan SPL, Dr. Sitti Raehanah Muhamad Shaleh, matlamat PKT 2 adalah bagi memenuhi keperluan kursus teras universiti iaitu 'Asas Pembudayaan Keusahawanan'.

Program julung kalinya itu berlangsung selama tiga bermula 9 November bermula jam 9 pagi hingga 10 malam di mana penasihat PKT 2 adalah Dr. Bonaventure Boniface.

Terdapat lima objektif utama penganjurannya yakni menggalak budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa mahasiswi; mewujudkan hubungan diplomatik antara warga SPL dengan agensi kerajaan serta pihak swasta.

Selain menerapkan nilai kepimpinan dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan mahasiswa mahasiswi, ianya juga mempromosi pertanian sebagai suatu aktiviti pertanian yang menguntungkan sekali gus menggalakkan aktiviti kebajikan dalam kalangan mahasiswa mahasiswi.

Objektif tersebut tercapai melalui kerjasama yang diberikan berikutan ia dapat melatih pelajar mengendalikan serta mengurus organisasi sendiri bagi meningkatkan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, semangat kerjasama dan kemahiran berkemukasi.

Seramai 64 orang mahasiswa mahasiswi Tahun 2 SPL, lapan penggerai dari FAMA, dua penggerai dari luar dan tujuh gerai Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan beserta 100 pelajar ILP yang terlibat semasa program tersebut.

Pelajar dibahagikan kepada tujuh kumpulan dan menjalankan perniagaan berkonsepkan produk-produk hasil pertanian. Setiap kumpulan memiliki nama syarikat masing-masing sebagai identiti mereka.

Antaranya Green Synergy Management; Banana; Lecolicious; Master Bread; Good Taste; Cheese Lover dan Le' Fried Exquisite.

Berucap menyempurnakan perasmian program itu, Raehanah berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan berharap program sebegini dapat memupuk semangat keusahawanan di kalangan pelajar serta masyarakat setempat.

Beliau berharap agar mahasiswa mahasiswi dapat mempelajari sekali gus menimba pengalaman mengendalikan perniagaan sendiri selain memberi suntikan semangat untuk menceburi bidang perniagaan apabila melangkah ke alam pekerjaan kelak.

Hadir sama Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Prof. Dr. Vincent Pang; Pengarah ILP Sandakan, Haji Khairul Anuar Deni; Dr. Bonaventure dan Pengarah Projek PKT 2, Hallary Anak Andrew Bujang.

"Peluang ini adalah salah satu alternatif kepada mahasiswa mahasiswi UMS untuk melatih diri sendiri dalam bidang keusahawanan. Ternyata, dengan penglibatan diri dalam program ini mampu membantu dalam melahirkan pelajar yang seimbang melalui proses latihan.

"Secara tidak langsung akan membentuk keperibadian mahasiswa mahasiswi yang berhemah tinggi, bertanggungjawab, berdisiplin, berani mengambil risiko dan membina jati diri ke arah kepimpinan negara di masa depan," kata Raehanah.

Sementara itu, Hallary dalam ucapannya pula memberitahu pertanian merupakan suatu

bidang ilmu yang bukan hanya menjamin kerjaya malah menjamin kesejahteraan umat manusia sejagat.

Ini kerana, kadar kebuluran global kini yang mencecah tahap merunsingkan dan kebergantungan komuniti global kepada warga petani untuk mengatasi krisis ini jelas terpamer.

"Dalam erti-kata lain, tanggungjawab untuk menjamin sekuriti makanan sedunia kini digalas para petani. Di sinilah pentingnya mempraktikkan konsep pertanian lestari yang dinilai melalui tiga indikator utama iaitu keterlanggungan sumber asli, kesejahteraan alam sekitar dan pulangan ekonomi kepada petani itu sendiri.

"Justeru, melestarikan keusahawanan tani adalah bagi menerapkan ketiga-tiga indikator ini dalam kegiatan keusahawanan produk asas tani. Sebagai usahawan tani, hari ini kami telah mengenal pasti apa keperluan masyarakat kini, terutamanya dari segi makanan ... kami sediakannya dengan penggunaan sumber asli yang minima dan dengan cara yang menjamin kesejahteraan alam sekitar," katanya. **-OLEH ROZZALIN HASHIM rozzalin@newsabaktimes.com.my**